

Taklimat Bahasa Melayu Darjah 3 2018



Kheng Cheng School
擎青学校

Kindness in Heart, Courage to Stand, Sincerity of Might, Diligence of Hand

<https://www.youtube.com/watch?v=7AwdyxUDBC0>

https://www.youtube.com/watch?time_continue=40&v=BGU0Eute46o



Kheng Cheng School

擎青学校

Kindness in Heart, Courage to Stand, Sincerity of Might, Diligence of Hand

Guru-guru Darjah 3

Cikgu Khadijah

khadijah_jantan@moe.edu.sg

Cikgu Aslinda

aslinda_paujan@moe.edu.sg



Kheng Cheng School

擎青学校

Kindness in Heart, Courage to Stand, Sincerity of Might, Diligence of Hand

Kandungan Sesi Taklimat

- Model Kemahiran Teras Bahasa
- Penilaian Holistik
 - Definisi
 - Rangka Kerja
- Contoh Kertas Ujian/Peperiksaan




Kheng Cheng School
擎青学校

Model Kemahiran Teras Bahasa

Kemahiran Interaksi

Kemahiran Interaksi



- Berbual
- Berdialog
- Berbincang dalam kumpulan
- Bermain peranan

- Membaca dan memberikan respons terhadap iklan,
- Memberikan respons secara bertulis melalui e-mel, blog, nota ringkas, komen dalam blog

Menuju ke arah Penilaian Holistik...

- Merujuk kepada pengumpulan maklumat yang berterusan mengenai seseorang murid dari pelbagai sumber.



Kheng Cheng School
擎青学校

Kindness in Heart, Courage to Stand, Sincerity of Might, Diligence of Hand

RANGKA KERJA



Kheng Cheng School

擎青学校

Kindness in Heart, Courage to Stand, Sincerity of Might, Diligence of Hand

| ITEM | *TARIKH | MARKAH | PERATUSAN |
|---|-------------------------|-------------------|-----------|
| Term 1 – Formative Assessment | | | |
| 1) Kefahaman Mendengar <i>Listening comprehension</i> | Minggu 6 6 Februari | 10 markah (2%) | 10% |
| 2) Interaksi Penulisan <i>Message Writing/Paragraph Writing</i> | Minggu 7 13 Februari | Non-weighted | |
| 3) Bacaan Lantang <i>Read aloud a passage</i> | Minggu 8 20 Februari | Non-weighted | |
| 4) Ujian Bahasa <i>Language Paper</i> | Minggu 9 27 Februari | 20 markah (8%) | |



Kheng Cheng School
擎青学校

Kindness in Heart, Courage to Stand, Sincerity of Might, Diligence of Hand

Term 2 – Formative Assessment

| | | | |
|--|-------------------------|-------------------|-----|
| 1) Peperiksaan SA1 Lisan a) Bacaan Lantang b) Penerangan Berdasarkan Gambar c) Perbualan Berkaitan Gambar <i>SA1 Oral</i> a) <i>Reading Aloud</i> b) <i>Picture Description</i> c) <i>Conversation</i> | Minggu 5 18-19 April | 30 markah (6%) | 20% |
| 2) Peperiksaan SA1 Kefahaman Mendengar <i>SA1 Listening comprehension</i> | Minggu 7 4 Mei | 10 markah (2%) | |
| 3) Peperiksaan SA1 Karangan <i>SA1 Composition</i> | Minggu 8 9 Mei | 15 markah (3%) | |
| 4) Peperiksaan SA1 Bahasa SA1 Language Paper | Minggu 8 14 Mei | 45 markah (9%) | |



Term 3 – Formative Assessment

| | | | |
|---|----------------------|--------------------|-----|
| 1) Kefahaman Mendengar <i>Listening comprehension</i> | Minggu 3 10 Julai | Non-weighted | 20% |
| 2) Interaksi Lisan <i>Interactive Oracy</i> | Minggu 5 – 6 | 20 markah (10%) | |
| 3) Interaksi Penulisan <i>Message Writing/Paragraph Writing</i> | Minggu 8 14 Ogos | Non-weighted | |
| 4) Ujian Bahasa <i>Language Paper</i> | Minggu 9 21 Ogos | 45 markah (10%) | |



Kheng Cheng School

擎青学校

Term 4 – Formative Assessment

| | | | |
|---|---------------------------|----------------------|-----|
| 1) Peperiksaan SA2 <i>Lisan</i> a) <i>Bacaan Lantang</i> b) <i>Penerangan Berdasarkan Gambar</i> c) <i>Perbualan Berkaitan Gambar</i> SA2 Oral a) <i>Reading Aloud</i> b) <i>Picture Description</i> c) <i>Conversation</i> | Minggu 5 10-11 Oktober | 30 markah (15%) | 50% |
| 2) Peperiksaan SA2 <i>Karangan</i> SA2 <i>Composition</i> | Minggu 5 12 Oktober | 15 markah (7.5%) | |
| 3) Peperiksaan SA2 <i>Kefahaman Mendengar</i> SA2 <i>Listening comprehension</i> | Minggu 7 23 Oktober | 10 markah (5%) | |
| 4) Peperiksaan SA2 <i>Bahasa</i> SA2 <i>Language Paper</i> | Minggu 7 26 Oktober | 45 markah (22.5%) | |



Contoh Kertas Ujian / Peperiksaan



Kheng Cheng School
擎青学校

Kindness in Heart, Courage to Stand, Sincerity of Might, Diligence of Hand

Bacaan Lantang

Sejak kecil lagi minat membaca amat mendalam pada diri saya. Ibu dan bapa saya telah mendorong saya supaya banyak membaca, tidak kira sama ada buku atau pun majalah atau sebagainya.

Ibu pernah berkata, "Kalau kita banyak membaca, boleh menambah pengetahuan kita".

Banyak membaca juga boleh menjadikan kita orang yang berdisiplin. Selain itu, saya juga rajin pergi ke perpustakaan untuk membaca atau meminjam buku.

Saya berharap saya akan terus membaca untuk masa depan saya .



Kheng Cheng School

擎青学校

Interaksi Lisan



Tajuk: Cara-cara Menjaga Kebersihan Diri

SOALAN:

- 1 Terangkan bagaimana kamu menjaga kebersihan diri.
atau
- 2 Adakah menjaga kebersihan diri itu penting? Mengapa?



Kheng Cheng School
擎青学校

Kindness in Heart, Courage to Stand, Sincerity of Might, Diligence of Hand

Interaksi Penulisan

Nama: _____ Tarikh: _____

Kelas: _____ Markah: _____/10

Siti Hajar telah mengirim e-mel kepada Ali . Lengkapkan e-mel di bawah ini dengan jawapan yang betul.

Gambar itu diambil sebagai kenangan.
Selain itu, ayah membawa kami bersiar-siar di Orchard Road.
Saya memang menunggu berita daripada awak.
Pada cuti sekolah, saya dan keluarga telah ke Esplanade dan Singapore Flyer.
Saya berharap agar awak dan keluarga pun begitu juga.

Ali,

Saya amat gembira menerima e-mel awak. (1) _____

Saya dan keluarga sihat-sihat belaka. (2) _____

(3) _____

Esplanade dan Singapore Flyer ialah dua binaan yang menarik di Singapura.

(4) _____

Saya berasa seronok dapat menghabiskan masa bersama keluarga.

Saya ada mengirimitkan beberapa keping gambar yang saya ambil.

(5) _____

Saya berharap awak dapat berkunjung ke Singapura satu hari nanti.

Siti Hajar



Kheng Cheng School

擎青学校

Interaksi Penulisan

Namaku pokok teratai. Aku ialah sejenis tumbuhan air. Aku selalunya tumbuh di dalam kolam, tasik, paya dan lombong terbiar. Bungaku cantik tetapi tidak berbau. Aku hidup di permukaan air bersama-sama sahabat karibku, iaitu keladi bunting dan kiambang.

Aku mempunyai daun yang lebar dan leper. Daunku terapung di permukaan air. Tubuhku lembut dan banyak mengandungi rongga-rongga udara. Rongga udara itu menjadikan tubuhku ringan. Akarku pula panjang sehingga mencecah lumpur.

Aku juga mempunyai buah. Apabila buahku masak dan pecah, biji benihku akan mengikut arus air. Aku sangat berguna dalam bidang perubatan. Biasanya aku digunakan untuk merawat penyakit batuk, muntah, demam panas, cirit-birit dan sebagainya.

3. Fatimah telah mengirim pesanan ringkas kepada Maisarah. Bayangkan kamu Maisarah. Jawab pesanan ringkas itu dengan menggunakan informasi dalam petikan di halaman 1. Kemudian, tulis jawapan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

(4 markah)

Maisarah, saya dapat maklumat yang menyatakan bahawa pokok teratai dapat menyembuh beberapa penyakit. Apakah penyakit-penyakit yang boleh disembuhkan dengan menggunakan pokok teratai?

Fatimah, pokok teratai boleh _____



Kheng Cheng School
擎青学校

Contoh Kertas Bahasa



Kheng Cheng School

擎青学校

Kindness in Heart, Courage to Stand, Sincerity of Might, Diligence of Hand

BAHAGIAN A - Imbuan (5 x 2 = 10 Markah)

Arahan : Pilih perkataan yang paling sesuai bagi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini. Kemudian, tulis **angka jawapan** pilihan kamu di dalam kurungan () yang disediakan.

| | |
|--|---|
| <p>Keluarga Puan Linda telah kehilangan tempat tinggal akibat satu kebakaran yang berlaku seminggu yang lalu. Semasa (1)_____itu berlaku, dia berada di pasar yang terletak tidak jauh dari rumahnya. Dia segera pulang apabila jirannya memberitahu mengenai kebakaran tersebut. Suaminya baru sahaja keluar untuk (2)_____kedua anak mereka ke sekolah. Dia tidak (3)_____menyelamatkan harta bendanya.</p> <p>Arnab kesayangan anaknya, Si Putih, sempat (4)_____oleh jirannya, Encik Lim. Ia mengiau kesakitan kerana ekornya (5)_____. Puan Linda sempat memeluk dan mengusap-usap bulu Si Putih.</p> | <p>1 (1) terjadi (2) menjadi (3) kejadian ()</p> <p>2 (1) hantaran (2) terhantar (3) menghantar ()</p> <p>3 (1) terupaya (2) berupaya (3) mengupayakan ()</p> <p>4 (1) terselamat (2) berselamat (3) diselamatkan ()</p> <p>5 (1) terbakar (2) pembakar (3) membakar ()</p> |
|--|---|

BAHAGIAN B - Peribahasa (4 x 2 = 8 Markah)

Arahan : Setiap ayat di bawah ini menggambarkan maksud satu peribahasa. Padankan ayat tersebut dengan peribahasa yang paling sesuai daripada senarai yang diberikan. Kemudian, tulis **angka jawapan** pilihan kamu di dalam kurungan () yang disediakan.

| | |
|------------------|-------------------|
| (1) besar hati | (2) membawa nasib |
| (3) lurus akal | (4) orang tengah |
| (5) ada bakat | (6) kaki bangku |
| (7) lepas tangan | (8) hidung tinggi |

6. Kawan-kawan Aida tidak suka dengan sikap Aida yang **sombong itu**. ()
7. Rizal boleh dipercayai kerana dia **jujur**. ()
8. Khairul merajuk dengan keluarganya lalu pergi ke Malaysia untuk **mencari penghidupan di tempat lain**. ()
9. Sarah **berkebolehan** dalam bidang menyanyi. ()



Kheng Cheng School
擎青学校

BAHAGIAN C – Golongan Kata (5 x 2 = 10 Markah)

Arahan : Pilih sepatah perkataan yang sesuai daripada senarai di bawah ini bagi setiap tempat kosong. Tulis jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

| | |
|--------------|----------------|
| di | ke |
| melihat | menghadiri |
| menjerit | orang |
| tersoal-soal | tertanya-tanya |

"Tuk, tuk, tuk!" terdengar ketukan di pintu.

Fatima (10) _____ siapa agaknya yang mengetuk pintu? Malam itu, Fatima keseorangan (11) _____ rumah. Ibu bapanya telah keluar untuk (12) _____ sebuah majlis.

Fatima teringat pesanan ibu bapanya. Jika ada (13) _____ yang mengetuk pintu, jangan terus dibuka. Fatima harus (14) _____ dahulu di lubang kecil untuk memastikan siapa yang datang. Fatima tahu dia harus berhati-hati.



Kheng Cheng School

擎青学校

BAHAGIAN D - Kefahaman 1 : MCQ (8 markah)

Arahan : Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti. Kemudian, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap item yang mengikutinya dan tulis angka jawapan pilihan kamu di dalam kurungan () yang disediakan.

Hari Jumaat yang lalu sedang Mira berjalan pulang dari kelas tambahan, dia ternampak seekor kucing sedang terbaring tidak bermaya. Badan kucing itu dipenuhi dengan semut. Terdapat juga tanda-tanda yang menunjukkan kucing itu telah disimbah dengan susu. Disebabkan itulah semut-semut menyerangnya.

Mira berasa kasihan terhadap kucing itu dan dia juga berasa marah terhadap orang yang menyiksa kucing itu. Mira pun membeli tisu dan cuba membersihkan bulu kucing itu. Banyak semut yang melekat di bulunya. Mira pun menariknya perlahan-lahan.

Setelah bulu kucing itu bersih, Mira pun membelikannya susu. Kucing itu terlalu **lemah** untuk meminum susu itu. Mira pun membawa kucing itu pulang dan mahu menjaganya dengan baik.

15. Mira ternampak _____ semasa pulang dari kelas tambahan.

- (1) bulu
- (2) semut
- (3) kucing ()

16. Semut-semut menyerang kucing itu kerana _____.

- (1) ia tidak bermaya
- (2) orang menyiksa kucing itu
- (3) badan kucing itu disimbah susu ()

17. Mira membeli tisu kerana dia _____.

- (1) berasa kasihan
- (2) cuba membersihkan bulu kucing
- (3) mahu menjaga kucing dengan baik ()

18. Perkataan **lemah** dalam petikan bermaksud _____.

- (1) layu
- (2) lesu
- (3) lembut ()



BAHAGIAN E - Kefahaman Subjektif (9 Markah)

Arahan : Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti. Kemudian, jawab semua soalan yang mengikutinya. Tulis jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan.

Haikal baru selesai kelas tuisyen pada pukul 9 malam. Dari rumah gurunya di tingkat tujuh, dia berjalan menuju lif untuk pulang ke rumahnya di tingkat tiga.

Apabila lif tiba, Haikal pun segera masuk ke dalam lif itu. Sebaik-baik sahaja pintu lif itu tertutup, lampunya terpadam. Haikal berasa cemas. Dia segera menekan butang-butang lif itu namun lif itu tidak bergerak dan pintunya tetap tertutup. Haikal meraba-raba butang kecemasan lalu menekannya berulang kali.

Tidak lama kemudian, Haikal terdengar suara beberapa orang yang menasihatinya supaya bertenang dan sabar menunggu. Setelah kira-kira 15 minit berlalu, pintu lif pun terbuka. Tanpa membuang masa Haikal segera keluar. Wajahnya kelihatan sangat pucat seperti mayat. Baju Haikal juga basah kuyup. Ini kerana Haikal kepanasan disebabkan kipas di dalam lif juga tidak berfungsi. Setelah mengucapkan terima kasih, dia pun segera pulang ke rumahnya dengan menggunakan tangga.

Sesampainya di rumah, Haikal pun menceritakan segala yang berlaku tadi kepada ibu bapanya.

19. Di manakah kelas tuisyen Haikal? (2 markah)

20. Apakah yang terjadi setelah pintu lif itu tertutup? (2 markah)

21. Mengapakah baju Haikal basah kuyup? (2 markah)

22. Pada pendapat kamu, mengapa Haikal menggunakan tangga untuk pulang ke rumah? (2 markah)

23. Dalam perenggan **terakhir**, perkataan yang bermakna **terjadi** ialah _____ (1 markah)

SELESAI



Kheng Cheng School
擎青学校

Kindness in Heart, Courage to Stand, Sincerity of Might, Diligence of Hand



TERIMA KASIH



Kheng Cheng School
擎青学校

Kindness in Heart, Courage to Stand, Sincerity of Might, Diligence of Hand